

Tren unsur-unsur nadir bumi (REE) Suit Stong, Jeli, Kelantan

MOHD ROZI UMOR & HAMZAH MOHAMAD

Program Geologi, Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam
Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor

Tren geokimia unsur-unsur nadir bumi (REE) telah digunakan bagi mentafsir asalan dan proses evolusi batuan-batuan Suit Stong. Sebanyak 19 sampel daripada empat litodemik batuan yang dinamakan sebagai Tonalit Berangkat, Granit Noring, Mikrogranit Noring dan Leukogranit Kenerong telah dianalisis. Tren geokimia unsur-unsur nadir bumi menunjukkan arah pembezaan batuan adalah dari Tonalit Berangkat, Leukogranit Kenerong, Mikrogranit Noring ke Granit

Noring. Berdasarkan bandingan LREE dan HREE pula disimpulkan Mikrogranit Noring mengalami peleburan separa membentuk Granit Noring. Anomali normal Eu yang diperolehi menunjukkan Tonalit Berangkat, Leukogranit Kenerong dan Mikrogranit Noring berasal granit jenis I, sementara Granit Noring yang beranomali Eu negatif mencirikan asalan granit jenis S. Kajian ini merupakan satu dimensi baru bagi Suit Stong, memandangkan belum ada kajian terdahulu yang mengemukakan hasil analisis geokimia unsur-unsur nadir bumi.